

SOALAN NO: 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 3 OGOS 2017

SOALAN:

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kedudukan TTPA dalam isu pekerja setelah Amerika Syarikat menarik diri daripada menganggotai badan tersebut.

PR-1352-L01806

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Walaupun Amerika Syarikat menarik diri daripada Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), Kementerian Sumber Manusia (KSM) tetap akan meminda sembilan (9) akta perburuhan di bawah bidang kuasa Jabatan dan Agensi di bawahnya seperti berikut:

- Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 – Untuk memastikan semua agensi pekerjaan swasta yang menjalankan aktiviti merekrut berdaftar dan mempunyai lesen di bawah Akta ini.
- Akta Penginapan Pekerja 201X – Akta baharu ini digubal bertujuan memastikan majikan menyediakan penginapan kepada pekerja.
- Akta Kerja 1955 – Untuk menangani isu diskriminasi penggajian pekerja.
- Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) – Pindaan dibuat supaya selari dengan pindaan dalam Akta Kerja 1955.
- Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76) – Pindaan dibuat supaya selari dengan pindaan dalam Akta Kerja 1955.

- Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 – Untuk menangani isu buruh kanak-kanak dan menyediakan senarai pekerjaan berbahaya (*List of hazardous work*).
- Akta Kesatuan Sekerja 1959 – Untuk menyediakan ruang kebebasan berkesatuan kepada pekerja.
- Akta Perhubungan Perusahaan 1967 – Untuk mewujudkan keharmonian perusahaan antara majikan dan pekerja.
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 201X – Akta baharu ini adalah penggabungan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Kilang dan Jentera 1967 untuk memasukkan senarai pekerjaan berbahaya (*List of hazardous work*).

Tuan Yang Di Pertua,

2. KSM berpendapat pindaan sedemikian perlu dibuat untuk meningkatkan standard perburuhan di Malaysia supaya selari dengan konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), dan memastikan undang-undang tersebut bertepatan dengan keperluan dan perkembangan semasa.